

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, MALAYSIA

JPS UPDATES

EDISI JULAI 2020

PUSAT KAWALAN SMART



Selamat Menyambut

HARI RAYA

ADIL ADHA

2020/1441H

**LAWATAN YBTM KASA KE
PUSAT KAWALAN SMART**

[WWW.WATER.GOV.MY](http://www.water.gov.my)



[facebook.com/
JPSMalaysia](https://facebook.com/JPSMalaysia)



[twitter.com/
DID_Malaysia](https://twitter.com/DID_Malaysia)



[instagram.com/
JPSMalaysia](https://instagram.com/JPSMalaysia)

SISPAA SISTEM ADUAN AWAM
<http://water.spab.gov.my>

Isi kandungan

Menaraik didalam

DARI TINTA KETUA EDITOR

3

LAWATAN DATO' KETUA PENGARAH JPS KE SUNGAI PANGKALAN DATU KELANTAN

6

KUNJUNGAN HORMAT YB MENTERI KASA KEPADA MENTERI BESAR KELANTAN

8

KUNJUNGAN HORMAT YBM KASA KEPADA MENTERI BESAR TERENGGANU

11

LAWATAN DATO' SERI KSU KASA KE PROJEK RIVER TRAIL SUNGAI LANGAT

14

LAWATAN DATO' KP JPS KE SUNGAI PANGKALAN DATU KELANTAN

16

LAWATAN YB TIMBALAN MENTERI KASA KE PUSAT RAMALAN DAN BANJIR NEGARA (PRABN)

20

LAWATAN YBM KASA KE TAPAK CADANGAN PEMBINAAN BENTENG PENAHAN OMBAK DI TERENGGANU

4

LAWATAN TAPAK YBM KASA KE TAPAK PLSB SUNGAI GOLOK

7

LAWATAN TAPAK PROJEK PEMBINAAN JALAN LAPANGAN TERBANG KUALA TERENGGANU

10

LAWATAN TAPAK YBM JPM (EKONOMI) KE TAPAK PROJEK PEMBERSIHAN DAN PENGINDAHAN SUNGAI

12

LAWATAN KERJA TKP SEKTOR PAKAR KE EMPANGAN PADANG SAGA

15

LAWATAN YB TIMBALAN MENTERI KASA KE PUSAT KAWALAN SMART

18

LAWATAN DATUK SERI KSN KE TAPAK PROJEK RTB SUNGAI KEDAH

22

SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

DATO' Ir. HJ. NOR HISHAM BIN MOHD GHAZALI

PENYELARAS

Ir. HJ. AZMI BIN IBRAHIM

KETUA EDITOR

WAN MARHAFIDZ SHAH BIN WAN MOHD. OMAR

EDITOR

NORAZIZAH BINTI ABDUL KADIR

PENOLONG EDITOR

KHADIJAH BINTI NAWAWI
MUHAMAD BAZLI BIN YAHAYA
MOHD FIRDAUS BIN MOKHTAR
SHAHARULINA BINTI ISMAIL

Dari Tinta KETUA EDITOR



Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya kita dapat bersua lagi menerusi Buletin JPS Updates Edisi Julai 2020.

Pada bulan Disember 2019, kita digemparkan dengan penularan wabak Covid-19 di negara kita dan di seluruh pelosok dunia. Wabak ini secara langsung telah memberi banyak kesan negatif, bukan sahaja kepada kesihatan awam dan ekonomi negara, tetapi juga memaksa masyarakat dunia dan kita di Malaysia untuk mengamalkan pelbagai norma baharu dalam aktiviti harian. Inisiatif "Kita jaga kita" menunjukkan keprihatinan dan semangat rakyat Malaysia dari akar umbi dalam melawan Covid-19. Yang jelas, kita perlu memastikan bahawa kehidupan mengikut norma baharu ini dapat diteruskan selagi wujudnya ancaman wabak Covid-19 ini.

Bagi menyahut seruan kerajaan Jabatan ini sentiasa komited dalam memperkasakan norma baharu di tempat kerja. Sepanjang bulan julai 2020 terdapat banyak aktiviti dan program yang telah dilaksanakan antaranya adalah lawatan Menteri Alam Sekitar dan air pada 6 Julai 2020 ke tapak cadangan benteng penahan ombak (*breakwater*) bagi kawalan hakisan di Pantai Rusila, Marang, Terengganu dan Kawasan Hakisan Pantai Teluk Lipat, Dungun, Terengganu. Pada 27 Julai 2020 YB Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad, Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air telah ke Pusat Kawalan SMART, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. SMART mampu menampung sehingga 3 juta meter padu air, berfungsi dengan mengalihkan air dari Sungai Klang di Kampung Berembang, Ampang melalui terowong ke kolam tadahan di Taman Desa, Jalan Klang Lama dan seterusnya dilepaskan secara terkawal ke Sungai Kerayong. Sepanjang tempoh PKP sahaja, SMART telah menyelamatkan Bandar Kuala Lumpur daripada banjir sebanyak 30 kali.

Dikesempatan ini juga saya ingin mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh warga JPS yang beragama Islam. Berbeza dengan tahun-tahun sebelum ini seluruh umat Islam khususnya rakyat Malaysia tidak dapat menunaikan ibadah haji akibat pandemik COVID-19. Walau bagaimanapun kita haruslah bersyukur kerana ibadah korban masih lagi dapat diteruskan walaupun terhad mengikut SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan.



Saya juga menyeru seluruh warga JPS supaya mengambil kesempatan atas kelonggaran yang diberi Kerajaan bagi aktiviti riadah dengan membudayakan aktiviti hidup sihat di samping menjalani norma baharu mengikut SOP yang ditetapkan oleh Kerajaan. Insya-Allah kita akan bersama-sama menjayakan usaha kita dalam membendung penularan COVID-19 selama ini. Atas kesungguhan, komitmen, kesabaran, ketabahan dan keredhaan, mudah-mudahan Allah SWT memberikan kebaikan kepada semua.

Sekian. Wabillahitauifik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.



Wan Marhafidz Shah Bin Wan
Mohd. Omar

Pengarah Bahagian Korporat



LAWATAN YB MENTERI KASA KE TAPAK CADANGAN PEMBINAAN BENTENG PENAHAN OMBAK DI PANTAI RUSILA DAN PANTAI TELUK LIPAT

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 6 Julai 2020, Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengiringi YB Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air bersama YBhg Dato' Seri Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air serta wakil-wakil pejabat Kementerian ke tapak cadangan pembinaan benteng penahan ombak (*breakwater*) bagi kawalan hakisan di Pantai Rusila, Marang, Terengganu dan Kawasan Hakisan Pantai Teluk Lipat, Dungun, Terengganu.

JPS akan melaksanakan projek penambakan pantai (*beach nourishment*) sepanjang 2.5km dengan kelebaran pantai 50m yang merupakan penyelesaian jangka pendek dan dijangka siap dalam tempoh 2 hingga 3 tahun. Seterusnya, bagi penyelesaian jangka panjang, pelaksanaan projek yang lebih menyeluruh akan dilaksanakan berdasarkan

kajian Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (*Integrated Shoreline Management Plan - ISMP*). Antara komponen utama struktur projek adalah pembinaan struktur pemecah ombak jenis *nearshore breakwater* atau *groyne* dan *beach nourishment*.







LAWATAN DATO' KETUA PENGARAH JPS KE SUNGAI PANGKALAN DATU KELANTAN

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 4 Julai 2020, YBhg Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengadakan lawatan ke Sungai Pengkalan Datu, Kelantan. Lawatan dengan menyusuri sungai tersebut telah dibuat sejauh 8 kilometer dengan diiringi oleh YBrs. Ir. Kamal bin Mustapha, Pengarah Pengairan dan Saliran Kelantan.





LAWATAN TAPAK YB MENTERI KASA KE TAPAK PROJEK PEMBANGUNAN LEMBANGAN SUNGAI BERSEPADU (PLSB) SUNGAI GOLOK

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 5 Julai 2020 YBhg Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengiringi YB Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar dan Air bersama YBhg. Dato' Seri Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air serta wakil-wakil pejabat Kementerian ke tapak projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Golok.

Taklimat telah diberikan oleh YBrs Ir. Kamal bin Mustapha, Pengarah Pengairan & Saliran Kelantan bertempat di Sg. Lanchang-Lemal. Projek ini telah mula dilaksanakan pada April 2018. Antara lain, skop utama projek ini adalah pengurangan risiko banjir & perlindungan muara sungai untuk tujuan navigasi. Selain daripada itu, projek ini juga dilaksanakan untuk tujuan keselamatan dan kedaulatan negara di antara sempadan Malaysia dan negara jiran, Thailand.

Kawasan yang terlibat di dalam jajaran projek ini adalah Sg. Golok sepanjang 26.2 kilometer bermula dari muara Sungai Lanchang-Lemal dan Sungai Mentua.





KUNJUNGAN HORMAT YB MENTERI KASA KEPADA MENTERI BESAR KELANTAN


OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 5 Julai 2020, YBhg Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah menyertai delegasi kunjungan hormat YB Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar & Air kepada YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Haji Ahmad bin Yakob, Menteri Besar Kelantan. Perbincangan adalah bertumpu kepada isu berkaitan pengurusan air dan alam sekitar di Negeri Kelantan.

Status semasa pelaksanaan dan kepentingan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sg Golok & Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu Negeri Kelantan telah turut dibincangkan. Kerajaan Negeri Kelantan akan terus memberikan kerjasama yang mampan dalam membantu memastikan projek berjalan lancar dan disiapkan mengikut jadual agar *outcome* projek dicapai dengan segera.



ARAS SUNGAI



ARAS BAHAYA


Aras Air Sungai Mula Melimpah Dan Akan Mengakibatkan Banjir

ARAS AMARAN

Aras Air Sungai Meningkat Dan Menghampiri Aras Banjir

ARAS WASPADA

Aras Air Sungai Mula Meningkat Dari Aras Normal Sungai



LAWATAN TAPAK PROJEK PEMBINAAN JALAN LAPANGAN TERBANG KUALA TERENGGANU

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 7 Julai 2020, YBhg Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengadakan Lawatan tapak ke tapak Projek Pembinaan Jalan Lapangan Terbang Kuala Terengganu Pakej 1A iaitu kerja-kerja Perlindungan Pantai yang sedang dilaksanakan oleh *East Coast Economic Region Development Council* (ECERDC).

Projek telah bermula pada 2019 melibatkan komponen utama struktur lapis lindung pantai sepanjang 770 meter dan *beach nourishment* selebar 60 meter di sepanjang 1,450 meter garis pantai.





KUNJUNGAN HORMAT YBM KASA KEPADA MENTERI BESAR TERENGGANU

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 6 Julai 2020, YBhg Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah menyertai delegasi kunjungan hormat YB Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man, Menteri Alam Sekitar & Air kepada YAB Ustaz Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu. Sebelas (11) isu utama berkaitan pengurusan air dan alam sekitar di Negeri Terengganu telah dibincangkan semasa kunjungan hormat ini.

Berkenaan isu pengorekan dan pengambilan pasir, YBhg Dato' Seri KSU menyarankan agar pendekatan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (*Integrated River Basin Management* – IRBM) dan Pelan Pengurusan Pantai Bersepadu (*Integrated Shoreline Management Plan* - ISMP) digunakan. Semua kajian berkaitan hendaklah dijadikan rujukan dan Kerajaan Negeri serta agensi berkaitan perlulah mendapatkan khidmat nasihat kepakaran daripada Jabatan Pengairan dan Saliran.

YBrs Tuan Haji Mohd Sor bin Othman, Pengarah Pengairan & Saliran Negeri Terengganu telah memberikan taklimat berkenaan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan oleh JPS Terengganu termasuklah projek pemuliharaan muara sungai, kawalan hakisan pantai, rancangan tebatan banjir, pemuliharaan dan menaiktaraf sungai.





LAWATAN TAPAK YB MENTERI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI) KE TAPAK PROJEK PEMBERSIHAN DAN PENGINDAHAN SUNGAI MELAKA

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 10 Julai 2020, YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) telah mengadakan lawatan ke tapak Projek Pembersihan dan Pengindahan Sungai Melaka, Parcel 2. YBhg Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah memberi penerangan bagi projek ini yang merupakan sambungan daripada kejayaan Parcel 1 sepanjang 4.5 km yang kini terkenal dengan aktiviti River Cruise Sungai Melaka di kalangan pelancong. Parcel 2 yang sedang di dalam pelaksanaan adalah tambahan 5.2 km kerja pembersihan dan pengindahan Sungai Melaka.



RIADAH BERSAMA DATO' SERI KSU KASA



You can't get good by staying home.
If you want to get fast,
you have to go where the fast guys are





LAWATAN DATO' SERI KSU KASA KE PROJEK RIVER TRAIL SUNGAI LANGAT

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 11 Julai 2020 Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengiringi YBhg Dato' Seri Dr. Zaini Ujang, Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air ke projek *River Trail* Sungai Langat, Selangor

Pembangunan *river trail* di kawasan rizab sungai adalah mekanisme kawalan pencemaran serta meningkatkan penglibatan komuniti setempat sebagai pengguna untuk menjaga dan memelihara sungai.



LAWATAN KERJA TKP. SEKTOR PAKAR KE EMPANGAN PADANG SAGA, LANGKAWI

OLEH : BAHAGIAN REKABENTUK & EMPANGAN

Lawatan kerja pada 10 Julai 2020 ini diatur bagi memberi informasi terkini kepada Tn. Ir. Hj. Nishad Mohamed Bin Hj. Mohd Shaffy, Timbalan Ketua Pengarah (Sektor Pakar) berkaitan perancangan jangka sederhana untuk menaiktaraf infrastruktur air di kawasan Padang Saga termasuk empangan. Tujuannya adalah untuk meningkatkan bekalan air tidak terawat berikutan perkembangan pesat sektor ekonomi di Langkawi.

Beliau diberi penerangan berkaitan kerja-kerja jangka pendek yang telah dilaksanakan oleh JPS Negeri Kedah disamping kemajuan kajian kemungkinan (*feasibility study*) menaiktaraf *bunded storage* dan empangan di Padang Saga yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA). Turut hadir Ir. Rozman Bin Mohamad,



Pengarah Bahagian Rekabentuk dan Empangan, Ir. Mohamad Suaimi Bin Ramli, Jurutera Daerah JPS Langkawi dan Ir. Sofiah Binti Mat, Timbalan Pengarah Seksyen Empangan. Lawatan ini turut dihadiri oleh wakil Syarikat Air Darul Aman (SADA).

AKTIVITI RIADAH SENAM, SIHAT, SANTAI, BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN BIL. 1/2020

OLEH : BAHAGIAN PEMBANGUNAN MODAL INSAN



Buat pertama kalinya pada tahun ini, BPMI telah menganjurkan Aktiviti Riadah Senam, Sihat, Santai, Bahagian Pembangunan Modal Insan Bil. 1/2020 pada 3 Julai 2020 lalu di Taman Tasik Ampang Hilir, Kuala Lumpur yang turut dihadiri oleh Ir. Baharuddin bin Abdullah, Pengarah Bahagian Pembangunan Modal Insan.

Antara objektif utama program ini ialah bagi mempromosikan aktiviti riadah santai sebagai amalan gaya hidup sihat kepada wargakerja BPMI di samping mengeratkan silaturrahim serta memantapkan nilai-nilai murni dan jati diri.

Program ini juga turut menjalankan aktiviti komuniti dengan mengadakan gotong-royong singkat mengutip sampah di kawasan sekitar sebagai usaha menyokong Kempen Menjaga Alam Sekitar dan Bumi Hijau.



LAWATAN DATO' KETUA PENGARAH JPS KE LOKASI UTAMA KEJADIAN BANJIR DI PEKAN KAJANG

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 19 Julai 2020, YBhg Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS telah mengadakan Lawatan ke lokasi utama kejadian banjir di Pekan Kajang & membincangkan strategi jangka pendek iaitu Cadangan Pembinaan *Floodwall* di Jalan Mendaling.

Strategi jangka panjang telahpun dimohon di bawah RMK12 iaitu pembinaan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Langat yang akan melibatkan kawasan Daerah Hulu Langat, Kuala Langat & Sepang.



Selamat Menyambut

HARI RAYA ADDIL ADHA

2020/1441H


31 Julai 2020

Maaf Zahir & Batin



Daripada

JPS Malaysia



PUSAT KAWALAN SMART



LAWATAN YB TIMBALAN MENTERI KASA KE PUSAT KAWALAN SMART

OLEH : PUSAT KAWALAN SMART

Pada 27 Julai 2020, YBhg Dato' Ir. Hj. Nor Hisham bin Mohd Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengiringi YB Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad, YB Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air telah ke Pusat Kawalan SMART, Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia. Terowong SMART sepanjang 9.7 km siap dibina pada 2007 adalah projek ikonik dengan dwifungsi iaitu sebagai jalan alternatif ke ibu negara dan untuk mengalirkan air ketika berlakunya hujan lebat, seterusnya menyelamatkan Bandar Raya Kuala Lumpur daripada kejadian banjir sebanyak 445 kali sehingga Julai 2020. Sepanjang tempoh PKP sahaja, SMART telah menyelamatkan Bandar Raya Kuala Lumpur daripada banjir sebanyak 30 kali. SMART mampu menampung sehingga 3 juta meter padu air, berfungsi dengan mengalihkan air dari Sungai Klang di Kampung Berembang, Ampang melalui terowong ke kolam tadahan di Taman Desa, Jalan Klang Lama dan seterusnya dilepaskan secara terkawal ke Sungai Kerayong.



INTEGRITY CORNER

JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN MALAYSIA



Bil.:Julai/2020

Let's Do The Right Thing

"No Gift Policy"



JPS Malaysia aspires to achieve the **highest standards of integrity** and **ethics** in the **conduct** of its operations.

In accordance with this policy, employees **shall not**:

- Accept personal gifts from external parties
- Give personal gifts to external parties

This policy is meant to avoid conflicts of interest or the appearance of conflicts of interest in any ongoing or potential dealing of JPS Malaysia.

Sebarang pertanyaan, aduan atau maklumat boleh disalurkan kepada:

UNIT INTEGRITI JPS
Tel : 03-2615 1793 / 1794
Emel: uijps@water.gov.my

"Warga Berintegriti, Organisasi Berkualiti"



LAWATAN YB TIMBALAN MENTERI KASA KE PUSAT RAMALAN DAN BANJIR NEGARA (PRABN)

OLEH : PRABN

Pada 27 Julai 2020 Dato' Ir. Hj. Nor Hisham Ghazali, Ketua Pengarah JPS Malaysia telah mengiringi YB. Senator Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad, YB. Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air ke Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN), Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia.

PRABN bakal mengukuhkan sistem ramalan banjir dengan meningkatkan tempoh amaran sehingga dua hari lebih awal. Projek ini juga akan menyediakan sistem hebahan maklumat untuk memastikan amaran awal banjir dapat disampaikan kepada semua pihak berkepentingan.





Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Mengucapkan Setinggi-tinggi Penghargaan Sepanjang Khidmat Bakti YBrs Ir. Ahmad bin Darus & YBrs Tuan Mat Supri bin Kasa di JPS



LAWATAN DATUK SERI KSN KE TAPAK PROJEK RTB SUNGAI KEDAH

OLEH : BAHAGIAN KORPORAT

Pada 4 Julai 2020, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, Ketua Setiausaha Negara telah mengadakan lawatan kerja ke Pembinaan Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Sungai Kedah/Sungai Anak Bukit, Kedah pakej dua yang bakal memberi manfaat kepada rakyat negeri Kedah.

Projek yang menelan kos kira-kira RM132 juta ini amat diperlukan bagi menangani masalah banjir di kawasan Anak Bukit dan sekitarnya. Lawatan ini juga disertai oleh YBhg Datuk Nor Azri bin Zulfakar, Ketua Pengarah Unit Penyelaras Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan YBrs Dr. Haji Megat Sany bin Megat Ahmad Supian, Pengarah Pejabat Pembangunan Negeri Kedah.





KEMENTERIAN KESIHATAN
MALAYSIA

Putuskan Rantai COVID-19

Jika tidak dapat dielakkan jaga jarak 1 meter

ELAK
3S /3C



1

Sesak

(crowded places)

Tempat yang sesak

2

Sempit

(Confined spaces)

**Tempat sempit dan
ter tutup**

3

Sembang dekat

(close conversation)

**Bersempang dekat-
dekat**



Wash (cuci)



Wear (pakai)

Kerap cuci tangan
dengan air dan sabun

Pakai pelitup muka



Warn (amaran)

• Jangan bersalaman
atau bersentuhan

• Amalkan etika
batuk dan bersin

• Lakukan
disinfeksi

• Duduk
rumah

• Dapatkan rawatan
jika bergejala

AMALKAN
3W

ukk@MOH



JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN, MALAYSIA

JPS UPDATES

EDISI JULAI 2020

WWW.WATER.GOV.MY